

SANGOBION COMPLETE CAPSULE

Ferrous gluconate / manganese sulfate / copper sulfate / vitamin C / folic acid / vitamin B12 / sorbitol (250mg / 0.2mg / 0.2 mg / 50mg / 1mg / 7.5µg / 25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sangobion Complete Capsule
2. Bagaimana Sangobion Complete Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sangobion Complete Capsule
4. Cara menggunakan Sangobion Complete Capsule
5. Semasa menggunakan Sangobion Complete Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sangobion Complete Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sangobion Complete Capsule

Sangobion Complete Capsule digunakan untuk rawatan anemia di mana berlakunya kekurangan sel darah merah yang sihat di dalam badan. Sangobion Complete Capsule juga digunakan untuk mencegah anemia bagi penderma darah.

Bagaimana Sangobion Complete Capsule berfungsi

Sangobion Complete Capsule membantu penyerapan zat besi dan terlibat dalam pembentukan sel darah merah.

Sebelum menggunakan Sangobion Complete Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Sangobion Complete Capsule jika anda alah (hipersensitif) kepada mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum menggunakan Sangobion Complete Capsule

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda hamil, merancang untuk mengandung atau menyusun sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Sangobion Complete Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

1-2 kapsul diambil setiap hari.

Sangobion Complete Capsule perlu diambil dengan air yang banyak.

- Bila perlu digunakan

Ambil Sangobion Complete Capsule semasa atau selepas makan atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Rawatan segera mungkin diperlukan.

Semasa menggunakan Sangobion Complete Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Sangobion Complete Capsule. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Sangobion Complete Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Sangobion Complete Capsule

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C dan lindungi daripada kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras berwarna coklat gelap, dicetak dengan logo 'Merck' pada penutup dan badan kapsul yang

diisi dengan serbuk kelabu
kehijauan/coklat.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ferrous gluconate
Manganese sulfate
Copper sulfate
Vitamin C
Folic acid
Vitamin B12
Sorbitol

- Bahan tidak aktif

Talc
Aerosil 200
Ethyl vanillin
Lactose

- Nombor MAL

MAL19911002X

Pengilang

PT. Merck Tbk.,
Jl. T.B. Simatupang No. 8,
Pasar Rebo,
Jakarta, 13760, Indonesia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Procter & Gamble (Malaysia) Sdn. Bhd.
(8842-P)
10th Floor Surian Tower,
1 Jalan PJU 7/3,
Mutiara Damansara, 47810,
Petaling Jaya, Selangor D.E.
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/09/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)010922/00062